

### **Kepatuhan Undang-Undang dan Hak Cipta**

1. Penyertaan dalam pertandingan ini menyiratkan penerimaan terhadap semua terma dan syarat yang dinyatakan oleh pengajur.
2. Foto-foto yang dikemukakan mesti merupakan hasil kerja asal dan tidak melanggar sebarang hak cipta atau hak kekayaan intelektual.
3. Peserta dikehendaki mengemukakan foto-foto dan kapsyen yang merupakan hasil daripada karya kreatif mereka sendiri dan bukan dihasilkan menggunakan kecerdasan buatan (AI) atau apa-apa cara automatik. Penggunaan AI untuk mencipta atau memanipulasi kandungan adalah dilarang dengan tegas.
4. Setiap peserta hanya boleh mengemukakan satu penyertaan untuk pertandingan.
5. Gambar dan keterangan yang telah menerima pengiktirafan atau anugerah sebelum pertandingan ini tidak layak untuk dikemukakan.
6. Peserta perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, termasuk mendapatkan kebenaran atau pelepasan yang diperlukan untuk mengambil dan berkongsi gambar individu, harta peribadi, atau subjek yang sensitif secara budaya.
7. Peserta memegang sepenuhnya hak cipta dan pemilikan penuh terhadap foto-foto yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, dengan menyertai pertandingan ini, peserta memberikan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) lesen yang tidak eksklusif, bebas royalti, dan seluruh dunia untuk menggunakan foto-foto tersebut untuk tujuan promosi dan bukan komersial yang berkaitan dengan pertandingan.
8. Dengan mengemukakan penyertaan anda untuk pertandingan ini, anda mengakui dan bersetuju bahawa foto-foto dan kapsyen yang anda berikan boleh digunakan sebagai sebahagian daripada penyiasatan yang dijalankan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP). Tujuan penyiasatan ini adalah untuk memahami dan mendokumentasikan pengalaman, cabaran, dan aspirasi komuniti asli di Malaysia dengan lebih mendalam. Foto-foto dan kapsyen anda boleh digunakan dalam laporan, penerbitan, pembentangan, atau hasil penyelidikan lain yang dihasilkan oleh UNDP. Penghargaan yang sewajarnya akan diberikan kepada peserta setiap kali karya mereka digunakan.